

'Malaysia akan kerjasama dengan Turki perhebat industri pertahanan'

Malaysiakini

30 Julai 2019

Malaysia akan bekerjasama dengan Turki bagi memperhebatkan lagi industri pertahanan negara, kata Menteri Pertahanan Mohamad Sabu.

Beliau berkata Turki merupakan sebuah negara yang amat dikagumi akan kehebatannya menerusi bidang pertahanan dan Malaysia akan bekerjasama untuk menerokai bidang terbabit dalam meningkatkan aspek pertahanan.

"Turki sememangnya maju dalam industri ini, industri pertahanan mereka bertaraf NATO (Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara) dan menerusi kenyataan yang dibuat Presiden Turki Recep Tayyip Erdogan bersama Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatan ke negara itu baru-baru ini, mereka sudi dan bersedia untuk bekerjasama dengan kita," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis minum petang 'Sirih Pulang Ke Gagang' di sekolahnya iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mertajam hari ini.

Katanya antara kerjasama bersama Turki itu termasuk merancang membeli peralatan yang sesuai bagi aset kegunaan di negara ini.

Mohamad Sabu berkata pada peringkat awal ini kerajaan kemungkinan akan meneliti alat-alat pengangkutan dan lain-lain dari negara itu.

Dalam lawatan yang turut dihadiri Mohamad, Erdogan mengalu-alukan syarikat Malaysia untuk melabur lebih banyak di Turki terutamanya dalam industri pertahanan.

Dalam perkembangan lain, Mohamad yang juga Presiden Amanah berkata beliau belum membuat sebarang keputusan sama ada mempertahankan jawatan atau sebaliknya pada pemilihan parti itu akan datang.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/486006>